

PENTING/PENAFIAN

PRODUK INI IALAH PRODUK AKAUN PELABURAN YANG TERIKAT DENGAN PRESTASI ASET DIPERUNTUKKAN, DAN BUKANNYA PRODUK DEPOSIT. TIDAK DILINDUNGI OLEH PIDM.

RISALAH PENDEDAHAN PRODUK

Sila baca Risalah Pendedahan Produk ini bersama dengan Terma dan Syarat sebelum anda memohon dan memutuskan untuk menerima Akaun Pelaburan Waheed (Wakalah) (WIA Wakalah).

**Akaun Pelaburan Waheed (Wakalah)
(WIA Wakalah)**

October 2019

MAKLUMAT RINGKAS TENTANG PRODUK

1. Apakah produk ini?

Nama Produk	Akaun Pelaburan Waheed (Wakalah) (WIA Wakalah)
Kontrak Syariah yang diterima pakai	<p>Wakalah bil istithmar: Satu bentuk kontrak wakalah (atau kontrak agensi) yang ditandatangani untuk tujuan pelaburan.</p> <p>"Wakalah" bermaksud kontrak yang dengannya satu pihak (<i>muwakkil</i>) membenarkan pihak yang satu lagi bertindak sebagai ejennya (<i>wakil</i>) untuk melaksanakan tugas tertentu, dalam perkara yang boleh diwakilkan, sama ada secara sukarela atau dengan mengenakan fi.</p> <p>Di bawah WIA Wakalah ini, pemegang akaun pelaburan (<i>investment account holder</i> atau IAH) sebagai <i>muwakkil</i> atau prinsipal membenarkan Bank bertindak sebagai wakil atau ejen untuk menjalankan aktiviti pelaburan dan sebagai balasan Bank akan menerima bayaran untuk perkhidmatan yang disediakan.</p>
Jenis akaun pelaburan	Akaun Pelaburan Tidak Terhad: merujuk jenis akaun pelaburan yang dengannya pemegang akaun pelaburan memberikan mandat kepada Bank untuk membuat keputusan muktamad tanpa menetapkan apa-apa sekatan atau syarat tertentu.
Pihak yang terlibat dalam aktiviti pelaburan serta peranan dan tanggungjawab mereka	Pihak yang terlibat ialah pemegang akaun pelaburan sebagai pelabur dan Bank yang bertindak sebagai ejen untuk melaksanakan aktiviti pelaburan bagi pihak pemegang akaun pelaburan. Bank akan bertanggungjawab menguruskan pelaburan yang disediakan oleh pemegang akaun pelaburan. Pemegang akaun pelaburan tidak akan terlibat dalam aktiviti pelaburan.

KESESUAIAN PRODUK

2. Siapakah yang sesuai untuk mendapatkan produk ini?

Jenis pelabur	<ul style="list-style-type: none"> • Pelanggan Korporat • Akaun Kerajaan • Agensi Kerajaan • Universiti • Syarikat & Perkongsian • PKS • Entiti Perniagaan & Bukan Perniagaan yang lain
Objektif Pulangan	Dapat menjana pulangan yang sederhana dalam tempoh pelaburan yang dipersetujui
Risiko pelaburan wang pokok	Amaun pelaburan pokok tidak dijamin
Tempoh pemegangan pelaburan	Tarikh matang boleh runding

Had Pelaburan	Tiada had pelaburan
----------------------	---------------------

CIRI UTAMA PRODUK

3. Ke manakah wang saya dilaburkan?

Objektif, strategi dan dasar pelaburan	<table border="1" style="width: 100%; border-collapse: collapse;"> <tr> <td style="width: 15%;">Objektif</td> <td>Menyediakan pendapatan tetap ke atas aset kewangan runcit</td> </tr> <tr> <td>Strategi</td> <td>Memastikan pelaburan masih dalam lingkungan objektif pelaburan Dana dengan peruntukan asetnya melindungi portfolio pelaburan</td> </tr> <tr> <td>Dasar</td> <td>Menguruskan hasil portfolio dalam tempoh yang ditetapkan melalui cara yang selaras dengan keperluan mudah tunai Bank, strategi aset dan keselamatan pelaburan pokok IAH</td> </tr> </table>	Objektif	Menyediakan pendapatan tetap ke atas aset kewangan runcit	Strategi	Memastikan pelaburan masih dalam lingkungan objektif pelaburan Dana dengan peruntukan asetnya melindungi portfolio pelaburan	Dasar	Menguruskan hasil portfolio dalam tempoh yang ditetapkan melalui cara yang selaras dengan keperluan mudah tunai Bank, strategi aset dan keselamatan pelaburan pokok IAH
Objektif	Menyediakan pendapatan tetap ke atas aset kewangan runcit						
Strategi	Memastikan pelaburan masih dalam lingkungan objektif pelaburan Dana dengan peruntukan asetnya melindungi portfolio pelaburan						
Dasar	Menguruskan hasil portfolio dalam tempoh yang ditetapkan melalui cara yang selaras dengan keperluan mudah tunai Bank, strategi aset dan keselamatan pelaburan pokok IAH						
Penilaian risiko terhadap prestasi aset pelaburan	Pengurusan proaktif bagi aset kewangan runcit dan laporan prestasi berkala portfolio pelaburan boleh disemak melalui laman web Bank Islam.						
Amaun Pelaburan Minimum	RM500,000.00 atau amaun yang sama nilainya jika pelaburan didenominasikan dalam mata wang asing.						
Tempoh Pelaburan	Minimum 1 hari hingga maksimum 10 tahun.						
Kaedah pembayaran keuntungan	<ul style="list-style-type: none"> • Kekekapan pembayaran keuntungan: Apabila matang. • Kadar untung dijangka: [TBD]* % setahun • Keuntungan dikira pada setiap hari dan berdasarkan baki akhir pada hari itu. <ul style="list-style-type: none"> a) Jika Kadar Untung Sebenar melebihi (atau sama dengan) Kadar Untung Dijangka; <ul style="list-style-type: none"> ○ Bank akan membayar Kadar Untung Dijangka kepada Pelanggan dan; ○ apa-apa lebihan akan disimpan oleh Bank sebagai insentif prestasi. b) Jika Kadar Untung Sebenar kurang daripada Kadar Untung Dijangka; <ul style="list-style-type: none"> ○ Bank bertanggungjawab membayar Untung Sebenar kepada Pelanggan. ○ Kerugian (jika ada) akan ditanggung oleh Pelabur dengan syarat kerugian tersebut bukan disebabkan oleh salah laku, kecuaiian atau pelanggaran syarat tertentu oleh Bank. • Pengiraan perolehan untung: <p style="margin-left: 20px;">Perolehan untung: Nilai Wang Pokok x Kadar Untung x Tempoh/365*</p> <p><u>laitu:</u> Nilai Wang Pokok = Perolehan permulaan daripada pelanggan Tempoh = Bilangan hari dari tarikh peletakan hingga tarikh matang *Pembawah = Mengikut konvensyen kiraan hari pasaran</p> <p>Contoh:</p> <table border="1" style="width: 100%; border-collapse: collapse; margin-left: 20px;"> <tr> <td style="width: 50%;">Tarikh peletakan: 10/02/2015</td> <td style="width: 50%;">Tarikh matang: 18/02/2015</td> </tr> <tr> <td>Amaun pelaburan: RM1,000,000</td> <td>Tempoh pelaburan: 8 hari</td> </tr> <tr> <td>Pulangan Dijangka: 3.50%</td> <td></td> </tr> </table> <ul style="list-style-type: none"> – Ilustrasi 1 (Pulangan Sebenar lebih tinggi daripada Pulangan Dijangka): Pulangan sebenar: 3.60% Perolehan Untung : RM1,000,000x3.50%x8/365 = RM767.12 – Ilustrasi 2 (Pulangan Sebenar lebih rendah daripada Pulangan Dijangka): Pulangan sebenar: 3.40% Perolehan untung: RM1,000,000x3.40%x8/365 = RM745.21 	Tarikh peletakan: 10/02/2015	Tarikh matang: 18/02/2015	Amaun pelaburan: RM1,000,000	Tempoh pelaburan: 8 hari	Pulangan Dijangka: 3.50%	
Tarikh peletakan: 10/02/2015	Tarikh matang: 18/02/2015						
Amaun pelaburan: RM1,000,000	Tempoh pelaburan: 8 hari						
Pulangan Dijangka: 3.50%							

Terma dan syarat utama

- Penebusan apabila matang – anda mungkin menerima amaun wang pokok yang ada yang perlu dibayar apabila matang;
- Penebusan Awal – anda mungkin menerima jumlah yang kurang daripada pelaburan permulaan jika anda menebus kesemua atau sebahagian daripada pelaburan tersebut sebelum matang. Amaun sebenar yang akan dibayar kepada anda bergantung pada nilai pasaran bagi aset pendasar yang dikaitkan dengan pelaburan anda, pada masa penebusan.
- Proses penebusan – Semua permohonan penebusan yang dibuat sebelum pukul 12.00 tengah hari akan dianggap sebagai diterima pada hari perniagaan tersebut dan ditebus pada kadar yang terpakai bagi hari perniagaan itu. Apa-apa permohonan penebusan yang dibuat selepas pukul 12.00 tengah hari akan dianggap sebagai diterima pada hari perniagaan yang berikutnya dan ditebus pada kadar yang terpakai bagi hari perniagaan berikutnya itu.

Nota: Bagi penebusan pramatang, pelabur dinasihatkan supaya menghubungi Bank untuk berunding jika mereka ingin membuat penebusan pramatang.

4. Apakah hasil yang akan diperoleh daripada pelaburan saya?

IAH boleh mendapat keuntungan daripada prestasi portfolio aset kewangan runcit yang positif hasil daripada peningkatan dalam keuntungan terakru yang diperoleh. Walau bagaimanapun, IAH mungkin kehilangan mana-mana bahagian atau kesemua pelaburannya jika portfolio pelaburan asas gagal menunjukkan prestasi seperti yang diharapkan.

	Pulangan atas Aset (ROA)	Pulangan atas Pelaburan (ROI)	Saiz Dana pada RM'000
Tahun Kewangan Disember 2018	4.61%	3.65%	549
Tahun Kewangan Disember 2017	4.34%	3.64%	530
Tahun Kewangan Disember 2016	4.31%	3.97%	613
Tahun Kewangan Disember 2015	4.52%	3.99%	214,793
Tahun Kewangan Disember 2014	4.06%	NA	NA

Pemberitahuan Penting : Prestasi pelaburan masa lalu bukan petunjuk prestasinya pada masa depan.

RISIKO UTAMA

5. Apakah risiko utama yang dikaitkan dengan produk ini?

Bank akan menggunakan kawalan pengurusan risiko ke atas aktiviti portfolio, perundangan dan operasi; termasuk peruntukan aset, pematuhan kecairan terhadap objektif dan parameter pelaburan, penilaian, pemantauan prestasi dan lain-lain berpandukan Dasar Akaun Pelaburan BNM. Walau apa pun yang dinyatakan di atas, apabila pasaran mengalami kesukaran, Bank boleh menguruskan peruntukan asetnya untuk melindungi portfolio pelaburan dengan syarat pelaburan tersebut masih dalam lingkungan objektif pelaburan Dana.

Oleh itu, anda dinasihatkan supaya mempertimbangkan semua faktor risiko dengan teliti sebelum membuat keputusan pelaburan. Pelabur akan terdedah kepada risiko yang berikut:

- i. **Risiko pasaran:** merujuk kemungkinan kesan pergerakan harga yang tidak baik (contohnya, kadar untung, kadar pertukaran asing atau harga ekuiti, jika berkenaan) terhadap nilai ekonomi sesuatu aset;
- ii. **Risiko kredit:** merujuk kemungkinan Bank gagal memenuhi obligasinya terhadap IAH menurut terma dan syarat yang dipersetujui;
- iii. **Risiko kecairan:** merujuk kerugian yang mungkin timbul daripada risiko kecairan bagi pemegang akaun pelaburan yang menyebabkan pulangan yang lebih kecil dan kemungkinan kekurangan modal;
- iv. **Risiko operasi:** merujuk kerugian yang mungkin berlaku akibat ketidakcukupan atau kegagalan proses dalaman, pekerja dan sistem atau peristiwa luar.
- v. **Risiko perundangan:** Semasa membuat pelaburan ini, pelabur hendaklah memastikan yang dia tidak melanggar mana-mana undang-

undang, peraturan, kontrak atau apa-apa pengehadan undang-undang lain yang terpakai terhadap Pelabur. Pelaburan ini diterbitkan tertakluk kepada semua undang-undang, peraturan dan garis panduan yang terpakai. Sekiranya berlaku perubahan terhadap mana-mana undang-undang, peraturan atau garis panduan tersebut, Bank Islam mungkin terpaksa menukar sebahagian atau kesemua terma dan syarat pelaburan, termasuk kemungkinan penamatan awal pelaburan tersebut.

- vi. **Risiko mata wang:** Risiko mata wang ialah risiko yang terpakai bagi pemegang akaun pelaburan yang mendenominasikan wangnya ke dalam Akaun Pelaburan mata wang asing. Turun naik mata wang juga berpotensi memberikan kesan tidak langsung terhadap pergerakan faktor pasaran yang berkaitan.

6. Apakah fi dan caj yang terlibat?

- Tiada Fi Agensi yang perlu dibayar oleh pemegang akaun pelaburan bagi permohonan dan penerimaan pelaburan di bawah WIA.
- Tiada caj penalti akan dikenakan untuk apa-apa pengeluaran pramatang.

Nota: IAH bersetuju bahawa Bank berhak mengenakan fi bagi apa-apa perkhidmatan yang diberikan kepada IAH pada kadar yang dikenakan oleh Bank (yang diluluskan oleh Bank Negara Malaysia) dan seperti yang dinyatakan dalam PDS dan/atau pada laman web Bank.

7. Di manakah strategi dan kekerapan penilaian itu disiarkan?

Penilaian akan dilaksanakan selaras dengan kriteria pengiktirafan dan pengukuran Piawai Pelaporan Kewangan Malaysia (*Malaysian Financial Reporting Standards* atau MFRS) yang berkaitan. Pemegang akaun pelaburan boleh mendapatkan maklumat berkaitan dengan akaun Pelaburan pada laman web Bank Islam di <http://www.bankislam.com.my>

8. Siapakah yang patut saya hubungi untuk mendapatkan maklumat lanjut atau mengemukakan aduan?

- Jika anda mempunyai apa-apa pertanyaan atau bagi mendapatkan penyelesaian pertikaian dalaman, sila hubungi kami di:

Bank Islam Malaysia Berhad
Tingkat 11, Bahagian Perbendaharaan
Menara Bank Islam
22, Jalan Perak
50450 Kuala Lumpur
Tel.: 603-2090 1710/11/12
Faks: 603-2088 8686
E-mel: treasury.mm.sales@bankislam.com.my; atau

- Jika anda ingin mengemukakan apa-apa pertanyaan atau aduan tentang produk atau perkhidmatan yang kami sediakan, anda boleh menghubungi kami di:

**Pusat Panggilan & Khidmat Pelanggan
Bank Islam Malaysia Berhad**
Tingkat 17, Menara Bank Islam
No. 22, Jalan Perak
50450 Kuala Lumpur
Tel.: 03-2690 0900
Faks: 03-2782 1337
E-mel: contactcenter@bankislam.com.my atau customercare@bankislam.com.my; atau

- Jika kami tidak menyelesaikan pertanyaan atau aduan anda dengan cara yang memuaskan, anda boleh menghubungi LINK ATAU TELELINK Bank Negara Malaysia:

(a) melalui talian telefon : 1-300-88-5465 (1-300-88-LINK)
(b) melalui talian faks : +603-2174 1515
(c) melalui e-mel kepada : bnmtelexlink@bnm.gov.my
(d) melalui surat kepada: **Laman Informasi Nasihat dan Khidmat (LINK)**
Bank Negara Malaysia
Peti Surat 10922
50929 Kuala Lumpur

Nota: Maklumat yang terkandung dalam dokumen ini adalah tepat pada masa penerbitan dan tertakluk kepada pindaan menurut

kaedah, peraturan atau garis panduan berkaitan yang dikeluarkan oleh Bank Negara Malaysia dari semasa ke semasa.

AMARAN

PULANGAN BAGI AKAUN PELABURAN INI BERGANTUNG KEPADA PRESTASI ASET DIPERUNTUKKAN. JUMLAH PRINSIPAL DAN PULANGAN TIDAK DIJAMIN DAN PEMEGANG AKAUN PELABURAN MENANGGUNG RISIKO UNTUK TIDAK MEMPEROLEHI SEBARANG PULANGAN ATAU MENGALAMI KERUGIAN PADA SEBAHAGIAN ATAU KESELURUHAN JUMLAH PRINSIPAL YANG DILABURKAN. JIKA PELABURAN DICAIRKAN SEBELUM TARIKH MATANG, PEMEGANG AKAUN PELABURAN MUNGKIN MENGALAMI KERUGIAN PADA SEBAHAGIAN ATAU KESELURUHAN JUMLAH PRINSIPAL YANG DILABURKAN. TIDAK DILINDUNGI OLEH PIDM.

Maklumat yang diberikan dalam risalah pendedahan ini sah setakat Oktober 2019.